



TINJAUAN DAN PROSPEK PASARAN MODAL



RANGKUMAN

Ekonomi global memasuki fasa pemulihan pada 2021, tetapi diiringi ketidaksamaan yang semakin meluas di antara negara dunia dan cabaran berterusan daripada pandemik COVID-19. Di peringkat domestik, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan terus pulih dari tahun sebelumnya, walaupun pada kadar yang lebih perlahan daripada jangkaan awal.

Berlatarbelakangkan persekitaran ekonomi ini, di samping volatiliti berkala pasaran kewangan global, pasaran modal Malaysia terjejas dengan ketara, di mana kedua-dua pasaran ekuiti dan bon domestik mencatatkan prestasi yang lemah bagi tahun berkenaan. Namun begitu, pasaran modal domestik kekal teratur, dan terus memainkan peranannya yang penting dalam membiayai aktiviti ekonomi dan sebagai pengantara tabungan dengan peningkatan ketara dalam aktiviti pengumpulan dana dalam semua segmen pasaran.

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia diunjurkan kekal ke arah pemulihan pada 2022, seiring dengan pemulihan yang berterusan dalam permintaan global. Walaupun pasaran modal domestik akan terus dipengaruhi oleh perkembangan utama di peringkat global, ia dijangka kekal berdaya tahan dan teratur, disokong oleh asas makroekonomi Malaysia yang kukuh, kecairan domestik yang mencukupi dan persekitaran dasar yang menyokong.

PERKEMBANGAN GLOBAL


Ekonomi global memasuki fasa pemulihan pada 2021, disokong oleh pemulihan dalam aktiviti pembuatan dan perdagangan global. Walau bagaimanapun, pemulihan tersebut tidak sekata disebabkan akses kepada vaksin dan sokongan dasar yang berbeza dalam kalangan negara-negara di seluruh dunia. Ekonomi maju (AE) mencatatkan momentum pertumbuhan yang lebih kukuh manakala pemulihan dalam ekonomi pasaran pesat membangun (EME)

secara relatifnya lebih lemah. Kemunculan varian Delta COVID-19 yang sangat mudah berjangkit juga memanjangkan gangguan berkaitan pandemik, apabila negara-negara di seluruh dunia melaksanakan semula pelbagai langkah pembendungan. Walaupun sekatan telah dilonggarkan secara beransur-ansur menjelang akhir 2021, gangguan terhadap bekalan yang lebih lama daripada jangkaan serta harga komoditi yang lebih tinggi dan inflasi makanan terus memberi kesan kepada pemulihan ekonomi global sepanjang tahun.

Carta
1

Tahap tekanan kewangan global kekal rendah pada 2021, lanjutan daripada persekitaran pada akhir 2020. Namun demikian, volatiliti berkala berlaku sepanjang tahun ketika pertembungan pelbagai faktor

Pejabat Penyelidikan Kewangan (OFR) Indeks Tekanan Kewangan Global (FSI) dan FSI Malaysia



Nota: FSI Global diperolehi daripada OFR, Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) manakala Indeks Tekanan Kewangan Malaysia adalah anggaran dalaman menggunakan metodologi yang serupa (lihat [Monin, 2017](#)). Nilai FSI melebihi sifar menandakan tekanan kewangan dalam ekonomi yang lebih tinggi dari purata sejarah.


Sumber: Pejabat Penyelidikan Kewangan AS, anggaran dalaman SC.

Prestasi pasaran kewangan global bercampur-campur pada 2021 disebabkan pertembungan pelbagai faktor, antaranya kebimbangan terhadap ketahanan pemulihan ekonomi global, kadar normalisasi dasar monetari dalam AE, dinamik geopolitik dan kemunculan varian baru Omicron COVID-19 menjelang akhir tahun 2021. Ini mengakibatkan volatiliti berkala pasaran kewangan global, dengan prestasi yang berbeza dalam semua kelas aset dan rantau. Walau bagaimanapun, tahap keseluruhan tekanan kewangan global kekal rendah berbanding tahun sebelumnya. Dalam pasaran ekuiti global, Indeks MSCI Dunia

mencatatkan pelbagai pengukuhan pasaran di mana ia meningkat sebanyak 20.1% berdasarkan pada prospek pertumbuhan dan pendapatan korporat AE yang menggalakkan. Sementara itu, Indeks MSCI Pasaran Pesat Membangun merosot sebanyak -4.6%, dipengaruhi oleh prospek pertumbuhan EME yang lemah, termasuk momentum ekonomi China yang memperlakan dan hala tuju dasar yang tidak menentu. Dalam pasaran bon global, kadar hasil meningkat dari awal 2021 diterajui oleh nota 10 tahun Perbendaharaan AS didokong oleh jangkaan inflasi yang lebih tinggi dan langkah dasar monetari global yang lebih ketat.

Carta
2

Pasaran ekuiti dan bon global mencatatkan prestasi bercampur-campur pada 2021



Sumber: Thomson Reuters Datastream; pengiraan SC.

PERKEMBANGAN PASARAN MODAL MALAYSIA PADA 2021


Ekonomi Malaysia tetap berada di landasan pemulihan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, kemerosotan situasi COVID-19 domestik pada pertengahan 2021 melambatkan pemulihan menyeluruh dalam aktiviti ekonomi. KDNK sebenar menguncup ke paras terendahnya pada suku ketiga 2021 di tengah-tengah

pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan virus yang ketat. Seiring dengan kemajuan pesat dalam program vaksinasi, penurunan kes baharu virus, dan pelonggaran sekatan pergerakan secara beransur-ansur, pertumbuhan bagaimanapun pulih semula menjelang akhir 2021. Bagi tahun 2021, KDNK sebenar berkembang 3.1%, disokong oleh permintaan luar yang kukuh dan perbelanjaan sektor awam yang berterusan.


Carta
3

Ekonomi Malaysia terus beransur pulih pada 2021, tetapi pemulihan menyeluruh terganggu oleh situasi COVID-19 domestik yang semakin memburuk pada pertengahan tahun

KDNK sebenar dan Inflasi sejak 2020



Kes COVID-19 baharu dan trend mobiliti*



Nota:

* Trend mobiliti diwakili oleh bilangan daftar masuk bagi semua lokasi di seluruh negara yang didaftarkan dalam MySejahtera.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesihatan, pengiraan SC.


Pasaran Modal Domestik Terus Menyokong Ekonomi Sebenar

Pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan dan teratur sepanjang 2021 di tengah-tengah persekitaran global dan domestik yang agak mencabar. Ia terus memainkan peranan asasnya dalam membiayai ekonomi domestik dan menggerakkan tabungan. Jumlah dana yang dikumpulkan dalam pasaran modal kekal kukuh, meningkat kepada RM130.9 bilion pada 2021 (2020: RM114.6 bilion) dan melebihi purata 5 tahun prapandemik sebanyak RM121.4 bilion, di mana RM16.6 bilion daripada jumlah tersebut dikumpulkan melalui pasaran ekuiti,¹ manakala RM114.3 bilion

dikumpulkan melalui pasaran bon korporat. Sementara itu, saluran pembiayaan alternatif³ melalui pendanaan ramai berasaskan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (pembiayaan P2P) terus menarik minat, terutamanya dalam menyokong keperluan pembiayaan PMKS. Industri pengurusan dana juga terus berkembang pada 2021, dengan AUM berjumlah RM951.1 bilion (2020: RM905.5 bilion). Ini mencerminkan peningkatan kepelbagaian aset kewangan dalam pasaran domestik dan asing, di mana unit amanah³ kekal sebagai sumber dana terbesar bagi AUM. Secara keseluruhannya, saiz pasaran modal meningkat kepada RM3.5 trilion pada 2021 (2020: RM3.4 trilion).

Carta
4

Di sebalik persekitaran yang mencabar, pasaran modal terus menyokong ekonomi dengan pertumbuhan kukuh dalam pengumpulan dana dan AUM bagi industri pengurusan dana



Sumber: Bursa Malaysia, pengiraan SC.

¹ Dalam pasaran ekuiti, RM2.3 bilion berjaya dikumpulkan melalui 29 tawaran awam awal (IPO) dan RM14.3 bilion melalui pengumpulan dana sekunder. Empat daripada IPO telah dilaksanakan secara pengenalan dan tidak melibatkan sebarang usaha pengumpulan dana.

² Dana yang dikumpulkan melalui ECF dan pembiayaan P2P meningkat kepada RM1.4 bilion pada 2021 (2020: RM640.4 juta).

³ Nilai aset bersih keseluruhan (NAV) sebanyak RM526.9 bilion (2020: RM519.5 bilion).

Pasaran ekuiti domestik terkesan oleh kekangan berterusan di peringkat global dan domestik. Permodalan pasaran keseluruhan Bursa Malaysia dan FBMKLCI masing-masing menyederhana kepada RM1.79 trilion dan RM1.04 trilion pada 2021 (2020: masing-masing RM1.82 trilion dan RM1.06 trilion). Indeks FBMKLCI turut merosot sebanyak -3.7% dan mengakhiri tahun 2021 pada 1,567.5 mata. Namun begitu, sentimen dalam pasaran ekuiti domestik kekal memihak kepada syarikat berkaitan FBM Small Cap, memandangkan prestasi cemerlang mereka yang berterusan pada tahun berkenaan. Dari segi penyertaan dagangan, institusi tempatan merupakan penjual bersih dengan jumlah sebanyak -RM9.1 bilion pada 2021, manakala jualan bersih oleh bukan pemastautin menyusut kepada -RM3.1 bilion (2020: -RM24.6 bilion). Seiring dengan itu, pembelian bersih yang dilakukan oleh pelabur runcit tempatan meningkat kepada RM12.2 bilion. Maka kadar penyertaan bagi pelabur runcit adalah lebih tinggi pada 2021, meningkat kepada purata 34.6% dari segi nilai yang didagangkan.

Dalam pasaran bon Malaysia, jumlah bon belum tebus meningkat kepada RM1.7 trilion pada 2021 daripada RM1.6 trilion pada 2020, mencerminkan tahap pengumpulan dana hutang yang lebih tinggi. Keseluruhan keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) secara amnya beralih ke aras yang lebih tinggi, diterajui oleh tempoh matang jangka sederhana hingga panjang, sejajar dengan peningkatan umum dalam hasil bon global di tengah-tengah jangkaan inflasi global yang lebih tinggi dan prospek normalisasi dasar monetari global yang lebih pantas. Sementara itu, spread antara bon korporat dan MGS secara amnya mengecil dalam semua tempoh matang, menunjukkan keyakinan yang lebih baik terhadap prospek pertumbuhan ekonomi domestik terutamanya menjelang akhir tahun. Pasaran bon domestik juga menyaksikan peningkatan minat pelabur asing, dengan aliran masuk bersih berjumlah RM33.6 bilion pada 2021 (2020: RM18.3 bilion), jumlah tertinggi sejak 2012.

Untuk maklumat lanjut mengenai prestasi suku tahun, sila rujuk kepada Laporan Suku Tahun SC: Rangkuman Pasaran.




SC 1st Quarter 2021 Report; SC 2nd Quarter 2021 Report
SC 3rd Quarter 2021 Report


Carta
5

Pasaran ekuiti domestik terkesan oleh kekangan berterusan di peringkat global dan domestik

Prestasi Bursa Malaysia sejak 2020*



Penyertaan dagangan pasaran kumulatif (belian/jualan bersih)




Nota:

* FBMKLCI terdiri daripada 30 syarikat terbesar diukur mengikut permodalan pasaran penuh dalam Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS; FBM Small Cap terdiri daripada semua konstituen Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS yang bukan konstituen Indeks FTSE Bursa Malaysia Top 100; FBM ACE terdiri daripada semua syarikat yang disenaraikan di Pasaran ACE.

Sumber: Bloomberg, Bursa Malaysia, pengiraan SC.

Carta
6

Hasil bon MGS mengalami tekanan meningkat dalam semua tempoh matang, sejajar dengan pasaran bon global



* Bon Korporat menerima penarafan antara AAA dan BBB.

Sumber: Bloomberg, Bank Negara Malaysia, pengiraan SC.

PROSPEK EKONOMI BAGI 2022

Ekonomi global diunjurkan akan terus pulih pada 2022. Walau bagaimanapun, prospek ini tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara dan akan kekal tidak sekata dalam semua ekonomi. Di sebalik evolusi pandemik yang berterusan, ketidakpastian geopolitik, interaksi antara gangguan rantai bekalan, tekanan inflasi dan normalisasi dasar dalam ekonomi utama akan mempunyai pengaruh besar terhadap ketahanan pemulihan global. Sementara itu, perkembangan dalam pasaran modal global dijangka selari dengan prospek ekonomi ini.

Ekonomi Malaysia diunjurkan kekal pada landasan pemulihan pada 2022, di tengah-tengah pemulihan permintaan luaran, pembukaan semula ekonomi domestik dan sokongan dasar domestik yang berterusan.

Bagaimanapun, risiko penurunan pertumbuhan tetap ada, terutamanya berikutan ketidakpastian luaran, manakala kadar pemulihan ekonomi dijangka terus tidak sekata bagi semua sektor, dengan momentum yang lebih kukuh dijangka dalam sektor berorientasikan eksport.

Prestasi pasaran modal Malaysia dijangka terus bertambah baik, seiring dengan pemulihan ekonomi domestik. Walau bagaimanapun, ia akan terus dipengaruhi oleh perkembangan utama di peringkat global, di mana volatiliti berkemungkinan didorong oleh perkembangan dalam ketegangan geopolitik, berserta masa dan kadar normalisasi dasar monetari global. Namun begitu, pasaran modal domestik akan kekal berdaya tahan, teratur dan terus menyokong ekonomi, didukung oleh asas makroekonomi yang kukuh, kecairan domestik yang mencukupi dan infrastruktur pasaran modal yang mantap.